

D.R. 45/2007

**RANG UNDANG-UNDANG BANK PERTANIAN
MALAYSIA BERHAD 2007**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN PEMBENTUKAN, PEMUNYAAN DAN PELETAKHAKAN

3. Bank
4. Peruntukan peletakhakan
5. Pegangan permulaan Kerajaan dalam Bank
6. Pelaburan Kerajaan dalam sekuriti Bank
7. Pelantikan wakil Kerajaan dalam Lembaga
8. Akaun statutori

BAHAGIAN III

KAKITANGAN

9. Kakitangan

BAHAGIAN IV

TUJUAN, KUASA DAN OBLIGASI SOSIAL BANK

10. Tujuan dan kuasa Bank
11. Obligasi sosial

BAHAGIAN V

AM

12. Kuasa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani memberi arahan

Rang Undang-Undang

Fasal

13. Penyata kewangan hendaklah dikemukakan kepada Menteri
14. Perlindungan di bawah Akta Bil Pertukaran 1949
15. Pemakaian Akta Syarikat 1965
16. Peraturan-peraturan
17. Pemansuhan
18. Penerusan undang-undang, dsb.
19. Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib
20. Mencegah kesulitan dan anomali

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Pertanian Malaysia pada suatu syarikat dengan nama Bank Pertanian Malaysia Berhad, dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"Bank" ertinya Bank Pertanian Malaysia Berhad yang disebut dalam seksyen 3;

"Bank Pertanian Malaysia" ertinya Bank Pertanian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 [*Akta 9*];

"harta" termasuklah segala harta, sama ada alih atau tak alih, dan segala hak harta, kepentingan, isemen atau hak, sama ada dari segi ekuiti atau di sisi undang-undang mengenai, kepada atau daripada harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik;

"Lembaga" ertinya lembaga pengarah Bank;

"liabiliti" ertinya segala jenis liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi (sama ada pada masa kini atau pada masa hadapan, yang sebenar atau kontinjen, dan sama ada kena dibayar atau hendaklah dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"Perbadanan" ertinya Menteri Kewangan yang diperbadankan oleh Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [*Akta 375*];

"tarikh letak hak" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah subseksyen 4(1);

"terletak hak", berhubung dengan harta, termasuklah mempunyai hak mengenai harta pada masa hadapan atau yang kontingen dan hak persembaian dan baki.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN PEMBENTUKAN, PEMUNYAAN DAN PELETAKHAKAN

Bank

3. Suatu Bank yang merupakan suatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] diperbadankan dengan nama "Bank Pertanian Malaysia Berhad".

Peruntukan peletakhakan

4. (1) Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh letak hak dan pada tarikh itu, segala harta, hak dan liabiliti Bank Pertanian Malaysia hendaklah menurut kuasa Akta ini berpindah kepada dan terletak hak pada Bank tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hak milik.

(2) Tiap-tiap harta yang terletak hak pada Bank menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah terletak hak sedemikian pada Bank dengan hak milik, hak harta atau kepentingan yang sama dan pemegangan yang serupa sebagaimana harta itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh letak hak itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak pada Bank menurut kuasa subseksyen (1) boleh, selepas tarikh letak hak, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Bank atas namanya sendiri, dan tidaklah perlu bagi Bank atau Bank Pertanian Malaysia memberikan notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu tentang peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak hak pada Bank menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh letak hak, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap Bank atas namanya sendiri, dan tidaklah perlu bagi Bank atau Bank Pertanian Malaysia memberikan notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(5) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Bank Pertanian Malaysia yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak atau liabiliti yang berpindah kepada dan terletak hak pada Bank menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada atau selepas tarikh letak hak, diteruskan oleh atau terhadap Bank.

(6) Dalam hal hak dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak hak pada Bank pada tarikh letak hak, Bank boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak dan liabiliti itu dengan Kerajaan atau mana-mana pihak ketiga.

(7) Jika menurut kuasa subseksyen (1), mana-mana harta berpindah kepada dan terletak hak pada Bank, peruntukan Bahagian Tiga Puluh Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] hendaklah, bagi maksud melaksanakan pendaftaran bagi peletakhakan itu, terpakai bagi Bank seolah-olah ia adalah suatu pihak berkuasa awam.

(8) Pada dan selepas tarikh letak hak, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletak hak pada Bank di bawah subseksyen (1) yang Bank Pertanian Malaysia menjadi pihak kepadanya sebaik sebelum tarikh letak hak, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian jenisnya sehingga hak dan liabiliti di bawah perjanjian itu boleh diserahkan oleh Bank Pertanian Malaysia, hendaklah berkuat kuasa seolah-olah Bank telah menjadi pihak kepada perjanjian itu.

Pegangan permulaan Kerajaan dalam Bank

5. (1) Berbangkit daripada peletakhakan harta, hak dan liabiliti pada Bank di bawah seksyen 4, Bank hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti Bank sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, dari semasa ke semasa, kepada Perbadanan.

(2) Sekuriti yang dikehendaki diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah —

- (a) diterbitkan atau diuntukkan pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri;
- (b) daripada apa-apa nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan
- (c) diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia telah dibayarkan disebabkan oleh pembayaran kepada Bank akan nilai nominal-nya.

(3) Menteri boleh melupuskan mana-mana sekuriti yang diterbitkan atau mana-mana hak pada sekuriti yang diuntukkan pada mulanya kepada Perbadanan menurut seksyen ini.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak pada, atas pelupusan atau selainnya

yang berkaitan dengan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperoleh menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Pelaburan Kerajaan dalam sekuriti Bank

6. (1) Menteri boleh, melalui Perbadanan, pada bila-bila masa, memperoleh —

- (a) sekuriti Bank atau mana-mana subsidiari Bank; atau
- (b) hak untuk melanggan apa-apa sekuriti sedemikian.

(2) Menteri boleh melupuskan mana-mana sekuriti atau hak yang diperoleh oleh Perbadanan di bawah seksyen ini.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Perbadanan berbangkit daripada peruntukan seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan dan dibenarkan di bawah sub perenggan 8 (3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak pada, atas pelupusan atau selainnya yang berkaitan dengan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperoleh di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Duti setem tidak boleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa pertambahan modal Bank yang —

- (a) diakibatkan oleh penerbitan syer yang diuntukkan pada masa Bank dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan; dan
- (b) diperakui oleh Perbendaharaan sebagai telah diakibatkan oleh penerbitan syer yang dilanggan oleh Perbadanan di bawah perenggan (a).

Pelantikan wakil Kerajaan dalam Lembaga

7. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, selagi Kerajaan memegang tidak kurang daripada lima peratus daripada keseluruhan sekuriti terbitan dalam Bank, selepas berunding dengan Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani, menamakan apa-apa bilangan orang yang sesuai untuk menjadi pengarah dalam Lembaga.

(2) Bank hendaklah menyebabkan tiap-tiap orang yang dinamakan oleh Menteri di bawah subseksyen (1) dilantik ke dalam Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang dilantik ke dalam Lembaga di bawah subseksyen (2) boleh, pada bila-bila masa, diberhentikan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, dengan memberi notis bertulis kepada orang itu dan Bank.

(4) Bagi maksud menentukan bilangan orang yang hendak dilantik sebagai pengarah dalam Lembaga di bawah subseksyen (1), Menteri hendaklah mengambil kira jumlah keseluruhan sekuriti yang dipegang oleh Kerajaan dan jumlah bilangan pengarah yang dilantik oleh Bank dalam Lembaga, pada masa penamaan itu.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menyentuh apa-apa kuasa, hak atau keistimewaan yang boleh diberikan kepada Kerajaan oleh dokumen penubuhan Bank.

Akaun statutori

8. (1) Bagi maksud mana-mana akaun statutori Bank—

- (a) peletakhakan yang dikuatkuasakan menurut kuasa seksyen 4 hendaklah dikira sebagai suatu peletakhakan segala harta, hak dan liabiliti yang Bank Pertanian Malaysia berhak dan tertakluk kepadanya sebaik sebelum penghujung tahun perakaunan genap terakhir Bank Pertanian Malaysia, yang berakhir sebelum tarikh letak hak dan sebagai telah dikuatkuasakan kepada Bank pada tarikh letak hak; dan
- (b) nilai mana-mana aset, hak atau amaun mana-mana liabiliti Bank Pertanian Malaysia, yang dikira sebagai telah terletak hak pada Bank menurut kuasa seksyen 4 hendaklah dikira sebagai nilai atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang diberikan kepada aset, hak

BAHAGIAN IV

TUJUAN, KUASA DAN OBLIGASI SOSIAL BANK

Tujuan dan kuasa Bank

10. (1) Tujuan Bank adalah—

- (a) untuk menggalakkan pembangunan pertanian Malaysia yang kukuh;
- (b) untuk menyelaraskan dan menyelia pemberian kredit daripada kumpulan wang awam bagi maksud pertanian oleh pelbagai orang atau badan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;
- (c) untuk mengadakan kemudahan pinjaman, pendahuluan dan kredit lain bagi pembangunan sektor pertanian dan perniagaan berkaitan pertanian;
- (d) untuk menggembelng simpanan dengan perhatian khusus kepada sektor pertanian dan bagi mencapai tujuan ini, untuk menerima simpanan dan deposit bertempoh;
- (e) untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti pertanian; dan
- (f) untuk menjalankan perniagaan am suatu institusi perkhidmatan kewangan yang moden dan progresif yang memenuhi keperluan kewangan menyeluruh pelanggannya.

(2) Sebagai tambahan kepada segala kuasa Bank sebagaimana yang ditetapkan dalam Memorandum dan Perkara Persatuannya, Bank boleh —

- (a) meminjam, mendapatkan atau mengambil wang, meminjamkan atau mendahulukan wang dengan atau tanpa cagaran bagi maksud membiayai pengendalian pertanian atau perniagaan berkaitan pertanian;
- (b) membeli, menjual, mendiskaunkan atau mendiskaunkan semula bil pertukaran tempatan dan surat janji hutang yang dikeluarkan atau diterbitkan bagi maksud membiayai pengendalian pertanian atau perniagaan berkaitan pertanian;

- (c) menerima, mendapat atau mengambil deposit dan menyediakan segala jenis akaun deposit termasuklah akaun simpanan, akaun deposit bertempoh dan apa-apa akaun lain yang seumpamanya;
- (d) membuat kunjungan tanpa diminta melalui unit Bergeraknya untuk—
 - (i) meminta atau memperoleh pembuatan deposit; atau
 - (ii) membuat atau menawarkan untuk membuat apa-apa perjanjian untuk tujuan menerima suatu deposit;
- (e) mengadakan pembiayaan kepada komuniti pertanian;
- (f) berkenaan dengan pengendalian pertanian dan pemasaran hasil pertanian, memberikan atau mengeluarkan surat kredit;
- (g) mengeluarkan dengan mendapat komisyen, melanggan, menaja jamin, mengambil, memperoleh, memegang, menjual, menukar dan berniaga syer, saham, bon, dana, obligasi, sekuriti dan pelaburan daripada segala jenis;
- (h) menerima wang dan barang berharga sebagai deposit untuk simpanan selamat;
- (i) bertindak sebagai ejen bagi Kerajaan, mana-mana Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa lain dan bagi badan awam atau badan persendirian atau orang persendirian;
- (j) memperoleh dan mengusahakan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan, harta dan liabiliti mana-mana orang atau syarikat yang menjalankan apa-apa perniagaan yang Bank dibenarkan menjalankannya, atau memiliki harta yang sesuai bagi maksud Bank;
- (k) menjalankan perniagaan sebagai penyelenggara gudang atau pengurus gudang dan menyewakan, membeli, membina atau selainnya memperoleh gudang bagi apa-apa maksud Bank;
- (l) memperoleh, memperbaiki, menguruskan, menjayakan, membangunkan, menjalankan segala hak berkenaan dengan, memajukan, menggadaijanjikan, menjual, melupuskan,

Rang Undang-Undang

membuat keuntungan daripada, dan selainnya membuat apa-apa urusan mengenai —

- (i) harta alih atau harta tak alih dengan tidak mengira hakmilik mengenainya; dan
- (ii) segala jenis hasil dan khususnya hasil pertanian;
- (m) membuat apa-apa perkiraan dengan Kerajaan, mana-mana Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan atau selainnya yang dengan segala tujuan atau mana-mana daripada tujuan Bank, dan untuk mendapatkan daripada mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa itu apa-apa hak, keistimewaan dan konsesi yang difikirkan oleh Bank patut didapatkan, dan untuk melaksanakan, menjalankan dan mematuhi apa-apa perkiraan, hak, keistimewaan dan konsesi itu;
- (n) membeli, menjual dan mendiskaun bil Perbendaharaan Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri yang dibenarkan untuk mengeluarkan bil Perbendaharaan;
- (o) menyenggarakan akaun dengan bank lain di Malaysia;
- (p) bertindak sebagai wakil, atau ejen bagi mana-mana bank antarabangsa atau institusi kredit pertanian bersifat antarabangsa;
- (q) mengadakan semua jenis perkhidmatan pembayaran dan pungutan, termasuk perkhidmatan giro, mesin juruwang automatik, kad debit, kad kredit dan kad bayar dahulu;
- (r) dengan kelulusan Lembaga, menggunakan kumpulan wang Bank bagi pelaburan;
- (s) mengadakan perkhidmatan kewangan yang berasaskan prinsip-prinsip Islam;
- (t) membuka cawangan dan melantik ejen atau wakil di dalam atau di luar Malaysia;
- (u) membayar bunga atas deposit oleh pelanggan dan menentukan kadar bunga itu;

- (v) mengenakan bunga atas pinjaman dan pendahuluan yang dibuat kepada pelanggan dan menentukan kadar bunga itu;
- (w) mengenakan caj bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan olehnya;
- (x) menjalankan perniagaan insurans pertanian;
- (y) mengadakan jaminan bagi kemudahan pembiayaan pertanian;
- (z) mengadakan perkhidmatan nasihat kewangan dan perniagaan; dan
- (aa) melakukan apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Bank Negara.

(3) Jika mana-mana aktiviti perniagaan yang dijalankan menurut kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (2) menghendaki kelulusan atau pelesenan oleh suatu pihak berkuasa, aktiviti itu boleh dijalankan tertakluk kepada kelulusan atau lesen yang diperolehi daripada pihak berkuasa itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

"Bank Negara" ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*];

"perkhidmatan giro" ertinya suatu perkhidmatan akaun semasa yang membenarkan pemegang akaun mengeluarkan arahan pembayaran kepada Bank bagi pembayaran kepada mana-mana pihak atau yang membenarkan Bank menerima pembayaran ke dalam akaun seseorang pemegang akaun daripada mana-mana pihak;

"kunjungan tanpa diminta" ertinya lawatan peribadi atau komunikasi lisan tanpa jemputan nyata.

Obligasi sosial

11. Bank hendaklah memenuhi apa-apa obligasi sosial sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V

AM

Kuasa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani memberi arahan

12. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani boleh, dari semasa ke semasa, memberi arahan kepada Lembaga berkenaan dengan dasar pertanian yang hendaklah diikuti oleh Bank dan Lembaga hendaklah mematuhi arahan itu.

Penyata kewangan hendaklah dikemukakan kepada Menteri

13. Bank hendaklah, dalam masa sembilan puluh hari selepas berakhir setiap tahun kewangan, atau apa-apa tempoh lanjut yang dipersetujui oleh Menteri, mengemukakan kepada Menteri, berkenaan dengan keseluruhan pengendaliannya di dalam dan di luar Malaysia, suatu salinan setiap satu yang dicetak dan dalam bentuk rekod yang disimpan atau dirakamkan dengan cara elektronik dan pada bahan tara elektronik dokumen yang berikut dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Menteri:

- (a) akaun hasil yang diaudit dengan sewajarnya berserta dengan penyata sokongan;
- (b) akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang diaudit dengan sewajarnya berserta dengan penyata sokongan;
- (c) perakuan oleh juruaudit;
- (d) laporan oleh Lembaga tentang pengendaliannya dalam tahun kewangan itu; dan
- (e) akuan berkanun oleh seorang daripada pengarah bukan eksekutifnya dan ketua pegawai eksekutifnya berkenaan dengan perkara dalam perenggan (a), (b) dan (d).

Perlindungan di bawah Akta Bil Pertukaran 1949

14. Pada melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, Bank hendaklah diberikan perlindungan seseorang jurubank di bawah Akta Bil Pertukaran 1949 [*Akta 204*].

Pemakaian Akta Syarikat 1965

15. Bank hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta Syarikat 1965 dan juga kepada peruntukan Akta ini, tetapi jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta Syarikat 1965 dengan Akta ini dalam pemakaian masing-masingnya bagi Bank, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

Peraturan-peraturan

16. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini, bagi menjalankan atau mencapai tujuan dan maksud Akta ini atau mana-mana peruntukannya, atau untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih lanjut, lebih baik atau lebih mudah.

Pemansuhan

17. Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 dimansuhkan.

Penerusan undang-undang, dsb.

18. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari, yang menyentuh atau bagi perlindungan Bank Pertanian Malaysia dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh letak hak hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, terus berkuat kuasa dan ditafsirkan seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

(2) Apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis itu mengenai Bank Pertanian Malaysia, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Bank dan ungkapan yang memaksudkan sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib

19. (1) Jika pada tarikh letak hak apa-apa prosiding tatatertib belum selesai atau wujud terhadap mana-mana pekerja Bank Pertanian Malaysia yang telah memilih untuk masuk ke dalam

perkhidmatan Bank, prosiding itu hendaklah diteruskan dan diselesaikan oleh Bank, dan undang-undang yang terpakai bagi pekerja itu sebaik sebelum tarikh letak hak berhubung dengan prosiding itu hendaklah terpakai bagi prosiding yang diteruskan dan diselesaikan di bawah seksyen ini.

(2) Suatu perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh suatu pihak berkuasa tatatertib Bank menurut seksyen ini hendaklah, berkenaan dengan pekerja sedemikian, mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama dengan perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh Jawatankuasa Tatatertib atau Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Bank Pertanian Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1).

Mencegah kesulitan dan anomali

20. (1) Menteri boleh, apabila difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau mencegah anomali yang berbangkit daripada pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan Akta ini sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh letak hak.

(3) Dalam seksyen ini, 'ubah suaian' termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, variasi, pengubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2007 yang dicadangkan ("Akta yang dicadangkan") bertujuan untuk memudahkan pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia dengan mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Pertanian Malaysia pada suatu syarikat dengan nama Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Bank") dan membuat peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Peng korporatan Bank Pertanian Malaysia akan menjadi suatu landasan bagi Bank untuk menstrukturkan semula pengendaliannya supaya menjadi lebih cekap, berkesan dan fleksibel dan untuk meningkatkan prestasi kewangan dan perkhidmatannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembentukan, pemunyaan dan peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank.
6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembentukan Bank sebagai suatu syarikat yang akan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
7. *Fasal 4* membolehkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menetapkan tarikh letak hak yang dengannya segala harta, hak dan liabiliti Bank Pertanian Malaysia hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Bank.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk menghendaki Bank menerbitkan apa-apa sekuriti Bank kepada Menteri.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelaburan Kerajaan dalam *sekuriti Bank*.
10. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri boleh melantik wakil Kerajaan dalam lembaga Bank.
11. *Fasal 8* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa akaun statutori Bank hendaklah diasaskan pada penyata akaun Bank Pertanian Malaysia bagi tahun perakaunan genap terakhir, yang berakhir sebelum tarikh letak hak.

BAHAGIAN III

12. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang perkara yang berhubungan dengan pekerja Bank Pertanian Malaysia.
13. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengambilan kerja kakitangan Bank Pertanian Malaysia oleh Bank jika mereka memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Bank.

BAHAGIAN IV

14. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan tujuan, kuasa dan obligasi sosial Bank.

15. *Fasal 10* mengandungi peruntukan terperinci berkenaan dengan tujuan dan kuasa Bank.
16. *Fasal 11* menghendaki Bank untuk memenuhi apa-apa obligasi sosial yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V

17. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.
18. *Fasal 12* memberi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kuasa untuk memberikan arahan kepada Lembaga berkenaan dengan dasar pertanian dan Lembaga hendaklah mematuhi arahan itu.
19. *Fasal 13* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas Bank untuk mengemukakan, antara lain, akaun untung ruginya, kunci kira-kira dan dokumennya yang diaudit yang berhubungan dengan pengendaliannya untuk membolehkan pemantauan rapi terhadap perniagaannya.
20. *Fasal 14* memberi Bank perlindungan seseorang jurubank di bawah Akta Bil Pertukaran 1949.
21. *Fasal 15* memperuntukkan bahawa peruntukan Akta Syarikat 1965 terpakai bagi Bank dan adalah sebagai tambahan kepada peruntukan Akta yang dicadangkan dan sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan, peruntukan Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai.
22. *Fasal 16* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
23. *Fasal 17* memansuhkan Akta Bank Pertanian Malaysia 1969.
24. *Fasal 18* mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau melindungi Bank Pertanian Malaysia, dengan ditafsirkan sebutan mengenai Bank Pertanian Malaysia sebagai sebutan mengenai Bank.
25. *Fasal 19* bertujuan untuk membenarkan Bank meneruskan dan menyelesaikan mana-mana prosiding tatatertib yang masih belum selesai terhadap mana-mana pekerja Bank Pertanian Malaysia yang diterima ke dalam penggajiannya.
26. *Fasal 20* memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang mungkin berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2582]